



KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH


5 SEPTEMBER 2021

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **2,136 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **159,421 kes**. Sebanyak 33 kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu 12 kes di Tawau, tujuh (7) kes di Kota Kinabalu, tiga (3) kes di Kalabakan dan Tuaran, dua (2) kes di Lahad Datu dan Penampang manakala Kudat, Papar, Putatan dan Semporna masing-masing mencatatkan satu (1) kes. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.

- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembah 2,941 menjadikan jumlah kumulatif 127,312 orang. Seramai 4,831 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 1,805 orang di hospital, 2,967 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 51 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara manakala lapan (8) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 200 orang merangkumi 129 di ICU/*repurposed kritikal care* serta 71 di open ward (HDW/*kubikel akut*) dan 83 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada perubahan zon merah dicatatkan.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 27 daerah

5. Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah

i. Kedudukan Kes Positif COVID-19

- a. Kes terus menurun hari ini bagi hari kedua walaupun jumlah penurunan (-143) kes tidaklah terlalu signifikan iaitu daripada (2,279) kes semalam (04 September 2021) kepada (2,136) hari ini.
- b. Kota Kinabalu turun (-98) kes kepada (357) kes dan kecuali Tawau, pusat-pusat bandar lain seperti Sandakan, Penampang dan Tuaran juga turun. Tuaran turun (-100) kes hari ini.
- c. Daripada (2,136) kes hari ini, (962) kes atau 45% adalah kes positif yang lewat didaftar antara 2 hingga 3 hari, (102) kes atau 4.8% adalah keputusan saringan yang didaftar lewat antara 4 hingga 5 hari dan (144) kes atau 6.7% adalah yang didaftar lewat melebihi 5 hari selepas tarikh keluar keputusan.
- d. Saringan Kontak Rapat kekal penyumbang utama kepada kes harian dengan (1,280) kes atau hampir 60% daripada (2,136) kes hari ini, (569) kes atau 26.6% daripada Saringan Bergejala dan (68) kes daripada Saringan Kluster.
- e. Di Kota Kinabalu 37% daripada kes hari ini berpunca daripada Saringan Bergejala, Sandakan 27.7%, Tawau 33.7% dan Penampang 32.6%.
- f. Pesakit dalam Kategori 3, Kategori 4 dan Kategori 5 kekal dalam paras yang dianggap tinggi. Hari ini pesakit dalam Kategori 1, (688) kes atau 32.2%, Kategori 2, (1,261) kes atau 59%, Kategori 3, (15) kes, Kategori 4, (10) kes dan Kategori 5, (13) kes.
- g. Daripada (2,136) kes hari ini, (1,847) kes atau 86.5% adalah warganegara Malaysia dan (289) kes atau 13.5% adalah bukan warganegara, lelaki 51.6% dan perempuan 48.4%.
- h. Setakat 04 September 2021, 43.3% penduduk dewasa negeri Sabah telah pun memperolehi vaksin lengkap dan 61.8% memperolehi satu dos.

i. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang terus meningkat dan dengan jumlah catatan sebanyak (1,280) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	68	3.20%
2	Bergejala	569	26.60%
3	Kontak	1,280	59.90%
4	Bersasar	6	0.30%
5	Lain-lain	213	10.00%
JUMLAH		2,136	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (04 September 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 04/09/2021	Catatan Kes 05/09/2021	Perbandingan
1	Papar	111	211	+100
2	Lahad Datu	68	116	+48
3	Kudat	44	87	+43
4	Kota Marudu	72	108	+36
5	Tawau	126	157	+31
6	Beluran	19	35	+16
7	Ranau	51	60	+9
8	Kuala Penyu	3	12	+9
9	Tongod	17	23	+6
10	Sipitang	13	17	+4
11	Nabawan	28	30	+2
12	Beaufort	17	19	+2
13	Kalabakan	24	24	Kekal
14	Tuaran	202	102	-100
15	Kota Kinabalu	455	357	-98
16	Kinabatangan	83	41	-42
17	Putatan	73	40	-33
18	Pitas	50	17	-33
19	Penampang	123	92	-31
20	Sandakan	360	332	-28
21	Tenom	62	43	-19
22	Tambunan	26	11	-15
23	Kota Belud	81	67	-14
24	Kunak	30	17	-13
25	Telupid	32	21	-11
26	Keningau	98	88	-10
27	Semporna	11	9	-2
JUMLAH		2,279	2,136	-143

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (22 Ogos – 04 September)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	2	194	132	0	29	357	7,698
Sandakan	0	132	92	2	106	332	3,830
Papar	0	155	51	0	5	211	2,630
Tawau	0	84	53	0	20	157	2,416
Lahad Datu	37	34	39	2	4	116	1,395
Kota Marudu	0	92	9	2	5	108	1,052
Tuaran	0	65	28	0	9	102	3,191
Penampang	0	59	30	0	3	92	3,560
Keningau	5	63	17	0	3	88	1,456
Kudat	0	77	8	0	2	87	560
Kota Belud	0	50	14	0	3	67	1,183
Ranau	0	49	6	0	5	60	702
Tenom	2	34	7	0	0	43	581
Kinabatangan	22	13	3	0	3	41	1,054
Putatan	0	28	9	0	3	40	1,122
Beluran	0	22	9	0	4	35	420
Nabawan	0	28	2	0	0	30	433
Kalabakan	0	12	10	0	2	24	309
Tongod	0	21	2	0	0	23	435
Telupid	0	18	1	0	2	21	670
Beaufort	0	8	9	0	2	19	592
Pitas	0	12	2	0	3	17	570
Kunak	0	7	10	0	0	17	305
Sipitang	0	3	14	0	0	17	526
Kuala Penyu	0	10	2	0	0	12	106
Tambunan	0	10	1	0	0	11	167
Semporna	0	0	9	0	0	9	120
JUMLAH	68	1,280	569	6	213	2,136	37,083

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Kota Kinabalu	Kluster Jalan Pahlawan	2
Keningau	Kluster Pagar Sebrang	5
Tenom	Kluster Sibulu	2
Lahad Datu	Kluster Cantawan	28
	Kluster Cenderawasih	9
Kinabatangan	Kluster Koyah	19
	Kluster Sawit Kinabatangan 2	2
	Kluster Sawit Sukau	1
JUMLAH		68

6 Terdapat **dua (2) kluster baharu** direkodkan hari ini.

- i **Kluster Koyah - Kinabatangan** adalah kluster jenis tempat kerja yang berlaku di ladang sawit di Mukim Sukau, Kinabatangan. Kes indeks merupakan lelaki, 43, pekerja ladang (general worker) yang disahkan positif ujian RTK AG positif 100% grading pada 20 Ogos 2021 di Klinik Kesihatan Mabello Paris, Kinabatangan. Kes indeks yang mula bergejala sejak 17 Ogos 2021 dan telah dirujuk ke Hospital Kinabatangan untuk rawatan selanjutnya. Setakat hari ini, aktiviti persampelan kontak seterusnya mengesan 25 kes positif dalam kalangan kontak sosial termasuk 19 kes baharu yang dilaporkan. Siasatan, persampelan COVID-19 dan disinfeksi masih diteruskan di lapangan untuk menilai sebaran jangkitan dan risiko kemungkinan jangkitan lebih meluas kepada pekerja ladang berdekatan yang lain.

ii **Kluster Pagar Sebrang - Keningau** adalah penularan jangkitan di pusat tahanan melibatkan mukim Sebrang, Lingkudau dan Luagan di Daerah Keningau. Pada 25 Ogos 2021, Pejabat Kesihatan Kawasan Keningau telah menerima kes indeks dengan keputusan RTK AG positif daripada Kg. Kadalakan Keningau yang telah dilaporkan dari Pusat Kuarantin Sementara, IPG Keningau melalui saringan kontak rapat. Kes indeks merupakan lelaki, 40, Pegawai Penjara di pusat tahanan bimbingan akhlak. Aktiviti pengesanan kontak rapat pada 27 Ogos 2021 hingga 04 September mendapat pertambahan bilangan kes positif di dalam daerah yang sama. Punca yang disyaki bagi penularan kluster ini ialah jangkitan ahli keluarga kepada kes indeks yang kemudiannya menjangkiti rakan sekerja, penghuni penjara di bawah jagaan pegawai tersebut dan juga ahli keluarga beliau yang lain. Kluster ini dinamakan Pagar Sebrang yang kerana kluster ini terletak di sebuah institusi penjara golongan juvana, yang mana kawasan yang berpagar penuh di Mukim Sebrang. Setakat hari ini, 29 kes positif dalam kluster ini termasuk lima (5) kes baharu yang dilaporkan.

7

Jumlah kapasiti katil 7,481 unit

- Hospital 1,901 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 4,908 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 672 unit.

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 64.47%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 05 SEPTEMBER 2021

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	2,088
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	1
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	10
Orang Dalam Tahanan /Banduan	37
Jumlah	2,136

Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
Sarawak	1
Negeri Sembilan	1
Johor	2
Selangor	2
WP Kuala Lumpur	4
Jumlah	10

Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	
Singapura	1
Jumlah	1

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	1,847
Bukan Malaysia	289
Jumlah	2,136

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin	575
Belum Menerima Vaksin	617
Menerima 1 Dos	269
Lengkap 2 Dos	675
Jumlah	2,136

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	25
1 to 5	166
6 to 17	384
18 to 59	1,356
>60	205
Jumlah	2,136

C BILANGAN LOKALITI PKPD MENGIKUT DAERAH

BIL	DAERAH	BILANGAN PKPD AKTIF (Setakat 05 September 2021)
1	Tawau	17
2	Penampang	8
3	Ranau	8
4	Tuaran	7
5	Kota Kinabalu	5
6	Papar	5
7	Kinabatangan	4
8	Putatan	4
9	Telupid	3
10	Kota Belud	3
11	Kota Marudu	3
12	Kudat	3
13	Beaufort	2
14	Lahad Datu	2
15	Keningau	1
16	Sipitang	1
17	Tongod	1
JUMLAH		77

D PELAKSANAAN PKPD BARU

Setelah meneliti pembentangan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenai penilaian risiko serta trend jangkitan COVID-19, Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) akan **DILAKSANAKAN** di lokaliti-lokaliti seperti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Tarikh Tamat PKPD
1.	Kampung Tetabuan, Beluran	7 September 2021	20 September 2021

2.	Kampung Matagang, Keningau	7 September 2021	20 September 2021
3.	Taman Pantai Lok Kawi, Papar	7 September 2021	20 September 2021
4.	Kampung Kilanas, Ranau	7 September 2021	20 September 2021

E PELANJUTAN PKPD

Berdasarkan analisa oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenai penilaian risiko serta *trend* jangkitan COVID-19, beberapa PKPD yang akan dilanjutkan seperti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Tamat PKPD	Cadangan
1.	Kampung Buanog Matunggong, Kudat	6 September 2021	Dilanjutkan dari 7 September 2021 sehingga 20 September 2021

F PENAMATAN PKPD

Setelah meneliti pembentangan oleh KKM mengenai situasi semasa, PKPD akan **DITAMATKAN** di lokaliti-lokaliti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Cadangan
1.	Kampung Pukat, Tanjung Batu Laut, Tawau	10 Ogos 2021	Ditamatkan pada 6 September 2021 seperti yang dijadualkan
2.	Kampung Balung Cocos, Tawau	24 Ogos 2021	Ditamatkan pada 6 September 2021 seperti yang dijadualkan

G STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Setakat hari ini, **tiada** suntikan baharu dibuat bagi Fasa 1 Dos 1 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak 67,164 orang.
- 2 Bagi Fasa 1 Dos 2 juga, **tiada** suntikan baharu dibuat pada hari ini menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak 58,575 orang.
- 3 Manakala, bagi Fasa 2 Dos 1 PICK, **13,754** suntikan baharu dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 1,635,165 orang.
- 4 Bagi Dos 2 Fasa 2 pula **22,216** suntikan baharu harian dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 1,124,871 orang.
- 5 Pada hari ini sebanyak 5,719 orang telah menerima vaksin dos tunggal Cansino menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 42,129 orang.

6 Pendaftaran penerima vaksin pada hari ini ialah 6,603 menjadikan jumlah kumulatif yang mendaftar sebanyak 1,630,044 (Mysejahtera 1,549,916 : Laman Web 79,786 : Talian Vaksinasi 342) bersamaan 59.1%.

H **BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)**

Setakat hari ini, sejumlah **514,448** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

I **LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS***

1 Sejumlah 155 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 30,303 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 131 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 61 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.

2 Sebanyak 27 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.

- Enam (6) Orang : Aktiviti Pusat Hiburan
- 11 Orang : Individu Gagal Mendaftar Masuk Premis
- Lapan (8) Orang : Tidak Mematuhi Arahan Kawalan Pergerakan
- Dua (2) Orang : Membawa Penumpang Berlebihan

3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 120 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 23 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan satu (1) tangkapan dibuat di bawah Ordinan Perkapalan Saudagar (MSO) 1952.

4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan

- i Sebanyak 1,271 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada kompaun atau notis dikeluarkan pada hari ini.

- ii Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 212 premis perniagaan dan 240 individu di 18 kawasan. Dua (2) kompaun dikenakan ke atas individu dengan kesalahan individu gagal mendaftar masuk premis menggunakan aplikasi MySejahtera atau Buku Pendaftaran di Restaurant Lee Hau, Kepayan Rumah Murah (2 Orang). Tiada kompaun dikenakan ke atas premis.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 230 Premis Perniagaan melibatkan 153 anggota APM. Terdapat lima (5) Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 157 anggota di 192 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 23 premis, melibatkan 14 buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 231 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di lapan (8) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 578 hebahan di seluruh Sabah.

J KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 2

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 2 pada hari ini ialah **95.5%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Keningau	96%
2	Tuaran	96%
3	Sipitang	96%
4	Kota Belud	96%
5	Beaufort	96%
6	Kota Marudu	96%
7	Semporna	95.5%
8	Penampang	95.5%
9	Papar	95.5%
10	Tenom	95.5%
11	Beluran	95.5%
12	Kunak	95%
13	Kota Kinabalu	95%
14	Kinabatangan	95%
15	Ranau	95%
16	Kudat	95%
17	Sandakan	95%
18	Tawau	95%
19	Lahad Datu	94%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#MalaysiaPrihatin

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**